

MODUL PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU TAHUN 6

Nama : _____

Kelas : _____

Tarikh : _____

Latihan 1

ARAHAN :

1. Baca jadual di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya .
2. Jawapan hendaklah ditulis dengan jawapan lengkap.
3. Pastikan jawapan ditulis dengan ejaan dan tanda baca yang betul.

Irfan	:	Ayah, hari ini kita akan pulang ke kampung untuk menjenguk nenek dan atuk kan ?
Ayah	:	Ya Irfan. Sudah lama kita tidak pulang ke kampung. Sebelum kita bertolak, kita perlu memastikan suis elektrik sudah dimatikan. Pintu dan tingkap perlu dikunci.
Irfan	:	Suis elektrik telah saya matikan. Pintu dan tingkap juga sudah saya kunci. Ayah sudah periksa kereta ?
Ayah	:	Ayah sudah menghantar kereta ke bengkel minggu lepas. Ayah tidak mahu kita berpanas dan tersadai di bahu jalan disebabkan kereta rosak.
Irfan	:	Oh, bagus ayah ! Ayah nanti kita singgah di kawasan rehat dan rawat, saya hendak membeli buah tangan untuk nenek dan atuk.
Ayah	:	Boleh tetapi Irfan jangan berjalan seorang diri. Kita akan pergi membeli bersama-sama.
Irfan	:	Baiklah ayah.

- (a) Apakah pesanan ayah kepada Irfan sebelum memulakan perjalanan pulang ke kampung ?

- (b) Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah.

Ayah telah menghantar kereta ke bengkel minggu lepas supaya kereta tidak rosak.

☐

Ayah tidak menghantar kereta ke bengkel kerana mahu kereta rosak dan mereka akan berpanas bersama-sama.

☐

- (c) Pada pendapat kamu, mengapakah ayah tidak membenarkan Irfan berjalan seorang diri di kawasan rehat dan rawat ?

Latihan 2 :

ARAHAN:

1. Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.
2. Jawapan hendaklah ditulis dengan jawapan lengkap.
3. Pastikan jawapan ditulis dengan ejaan dan tanda baca yang betul.

Pertandingan syarahan peringkat sekolah akan diadakan tidak lama lagi. Fatihah berasa sangat bimbang kerana dia merasakan bahawa persiapan yang dilakukan olehnya belum baik lagi.

Tarikh pertandingan sudah dekat, namun Fatihah belum mampu untuk menghafal teks syarahan yang telah ditulis oleh dirinya sendiri hasil daripada bantuan guru kelasnya, Encik Ameirzal. Dia berasa tertekan sehingga tidak dapat fokus di dalam kelas ketika sesi pembelajaran. Tanpa membuang masa, Fatihah berjumpa dengan guru kaunseling pada waktu rehat. Setelah sesi kaunseling selesai, Fatihah berasa lega dan tenang. Dia tidak lagi berasa stres kerana apa yang penting adalah maklumat persediaan pada masa sekarang sebelum terlambat.

- (a) Apakah pertandingan yang diwakili oleh Fatihah ?

MODUL PEMBELAJARAN BAHASA MELAYU TAHUN 6

(b) Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (✗) bagi pernyataan yang salah.

Fatihah berasangat bimbang kerana dia merasakan bahawa persiapan yang dilakukan olehnya belum baik lagi.

☐

Dia tidak berasa tertekan sehingga tidak dapat menyertai pertandingan syarahan tersebut.

☐

(c) Pada pendapat kamu, apakah keburukan jika kita mengalami stres yang melampau ?

Tahap Penguasaan	1 ☐	2 ☐	3 ☐	4 ☐	5 ☐	6 ☐
Tarikh			Tandatangan			

